

# Usim sedia enam pakar bedah untuk majlis khatan



Abu Ubaidah melawat kanak-kanak yang akan berkhatan pada Program Khatan Perdana dan pemeriksaan kesihatan di Surau Taman Bukit, Ampangan, semalam.

**SEREMBAN** - Dalam usaha mendekatkan diri dengan masyarakat, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menganjurkan Khatan Perdana dan pemeriksaan kesihatan kepada masyarakat setempat, semalam.

Program terbabit merupakan kerjasama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Usim dan Pertubuhan Kebajikan Islam dan Khairat Kematan Taman Bukit.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Usim, Profesor Dr Zulkepli Abd Ghani berkata, program berkenaan memberi peluang kepada anak-anak penduduk yang kurang kemampuan untuk berkhatan.

"Seramai 39 kanak-kanak berumur dari lima hingga 11 tahun berkhatan hari

ini (semalam) di mana seramai enam doktor pakar bedah kami terlibat.

"Ibu bapa hanya perlu membayar RM70 sahaja bagi setiap anak mereka berbanding kos sebenar di klinik swasta yang bernilai RM180," katanya.

Menurutnya, pihaknya terutama doktor pakar dari Fakulti Perubatan bertekad memberikan komitmen tinggi dalam aktiviti kemasyarakatan selari dengan objektif program iaitu penglibatan masyarakat atau *community engagement* di negeri ini.

"Kita turut memberikan rawatan dan pemeriksaan kesihatan kepada orang ramai yang dilakukan pelajar perubatan bagi melatih mereka menjalankan pemeriksaan di bawah pengawasan doktor pakar.

"Selain itu, kita turut mengadakan ceramah motivasi, pameran kesihatan, pemeriksaan gigi, pertandingan mewarna dan pendaftaran pengundi baru," katanya selepas program berkenaan di Surau Taman Bukit, Ampangan, di sini, semalam.

Program dirasmikan Adun Ampangan, Datuk Abu Ubaidah Redza.

Hadir sama, Profesor Kanan Usim, Profesor Dr Mohd Taufik Md Nor dan Timbalan Dekan Fakulti Perubatan Usim, Dr Mohd Dzulkairi Mohd Rani.

Sementara itu, Zulkepli berkata, program berkenaan akan dilaksanakan lagi selepas ini sebagai komitmen Usim dalam aktiviti kemasyarakatan.